

**FAKTOR YANG MENDORONG IBU BAPA MENGHANTAR ANAK
MEREKA KE SEKOLAH ISLAM HIDAYAH (SIH), JOHOR BAHRU**

MOHD ABDUL HALIM BIN PAIJALAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**FAKTOR YANG MENDORONG IBU BAPA MENGHANTAR ANAK KE
SEKOLAH ISLAM HIDAYAH (SIH), JOHOR BAHRU**

MOHD ABDUL HALIM BIN PAIJALAH

**Laporan Kajian Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

OGOS 2013

Dedikasi

*Kejayaan untuk menghasilkan penulisan ini tidaklah akan berhasil
tanpa kasih sayang dan restu daripada ibu ayah tercinta iaitu*

Paijalah Bin Chucking dan Roseni Bte Ayob

Isteri dan anak tersayang

Siti Nadiyah Bte Jalani

Muhammad Abdul Hannan

serta adik-beradik yang dikasihi

*yang sentiasa memberi dorongan dan rangsangan
untuk berjaya mencapai apa yang dicita-citakan.*

*Tidak lupa juga buat teman seperjuangan, terima kasih
atas sokongan dan pengorbanan kalian selama ini.*

Sudah pastinya kejayaan ini milik kita semua.

InsyaAllah.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dan berkat kesabaran yang tinggi saya dapat menyiapkan laporan lengkap Tesis Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran) iaitu Faktor Yang Mendorong Ibu Bapa Menghantar Anak Ke Sekolah Islam Hidayah (SIH), Johor Bahru dengan jayanya. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya (Hj Paijalah B Chucking & Hjh Roseni Bte Ayob) dan isteri saya (Siti Nadiyah Bte Jalani) yang telah banyak membantu memberi sokongan moral dan semangat yang jitu kepada saya dalam menyiapkan tugas. Tanpa kekuatan dan kata-kata semangat daripada mereka kejayaan ini mungkin tidak akan tercapai.

Jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya Tn Hj Hassan Bin Hushin kerana sudi meluangkan masa dan tenaga bertungkus lumus membantu serta menabur idea-idea bernas bagi memantapkan laporan kajian saya ini. Jasa dan pengorbanan kalian tidak mampu saya membalasnya.

Selain itu juga, terima kasih saya ucapkan kepada barisan pengurusan Sekolah Islam Hidayah, Johor Bahru terutama Ustaz Mohd Jelani Bin Ramli Selaku Ketua Eksekutif yang sudi membantu saya dalam menyumbangkan maklumat, masa dan idea bagi menyiapkan laporan ini. Tanpa sokongan daripada mereka belum tentu saya dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna dan mencapai objektif-objektif yang dikehendaki.

Di samping itu juga, terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu sedikit sebanyak memberi maklumat dan sokongan moral dalam menyiapkan tugas ini. Akhir kata ribuan kemaafan kepada semua pihak andai kata ada tersalah kata dan bicara yang tidak disengajakan. Sekian Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah, Johor Baru. Kajian ini meneliti faktor-faktor yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka di Sekolah Islam Hidayah (SIH) dengan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pencapaian pendidikan anak mereka di Sekolah Islam Hidayah (SIH). Responden kajian terdiri daripada 250 ibu bapa Sekolah Rendah Islam Hidayah (SRIH) dan Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH). Walaubagaimanapun, hanya 186 responden yang memberikan komitmen yang sepenuhnya dalam kajian ini. Data-data yang dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A memerlukan maklumat demografi, bahagian B adalah faktor yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah dan bahagian C adalah tahap kepuasan ibu bapa. Instrumen kajian telah diuji untuk menentukan tahap kebolehpercayaan berdasarkan nilai Alpha Cronboach kepada 30 orang ibu bapa di sekolah yang sama. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu bahagian B adalah 0.945 dan bahagian C adalah 0.931. Data kajian dianalisis menggunakan program Statistical Package For The School Science (SPSS) Version 20.0 bagi mendapatkan statistik deskriptif (min dan peratus) dan statistik inferensi (ujian-t, ANOVA dan korelasi-Pearson). Hasil dapatan kajian menunjukkan min setiap bahagian yang dikaji adalah pada tahap yang tinggi dan tahap kepuasan ibu bapa juga pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor kurikulum, kemudahan dan keselesaan, iklim dan budaya sekolah dan pengurusan dan pentadbiran sekolah yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah (SIH) mengikut jantina. Dalam kajian ini, beberapa cadangan juga telah dikemukakan berdasarkan dapatan kajian dan untuk kajian yang akan datang.

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the factors that influence the parents to send their children to Hidayah Islamic School in Johor Bahru. This study examines the factors that motivated the parents to send their children to Hidayah Islamic School (SIH) with the level of parental satisfaction based on the achievements of their children at Hidayah Islamic School (SIH). The respondents chosen consist of 250 parents from Hidayah Islamic Primary School (SRIH) and Hidayah Islamic Secondary School (SMIH). However, only 186 respondents gave their cooperation in this study. The data collected using a set of questionnaires that consisting three parts, which part A about demographic information, part B reside the factors that motivate the parents to send their children to SIH and part C reside the level of parental satisfaction of SIH. Those instruments tested to determine the level of reliability based on the Alpha Cronboach to 30 parents from the same schools. The results from pilot study indicate the high reliability of part B and part C is 0945 is 0931. The data were analysed using the Statistical Package for the School Science (SPSS) Version 20.0 for descriptive statistics (means and percentages) and inferential statistics (t-test, ANOVA and Pearson correlation-). The results indicate that the mean of each study are at a high level as well as the level of parental satisfaction. The study also enlightens that there are no significant differences found in the curriculum, facilities and comfort, climate and culture of the school also the management and administration of schools that encourage the parents to send their children to Hidayah Islamic School (SIH) by gender. This study also suggests several endorsements based on the findings of the study for future studies.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	7
	1.3 Penyataan Masalah	13
	1.4 Objektif Kajian	14
	1.5 Persoalan Kajian	15

1.6	Hipotesis Kajian	15
1.7	Kepentingan Kajian	16
1.8	Batasan Kajian	17
1.9	Definisi Operasi	17
	1.9.1 Faktor	17
	1.9.1.1 Kurikulum	18
	1.9.1.2 Ko-Kurikulum	19
	1.9.1.3 Kemudahan	19
	1.9.1.4 Pengurusan	19
	1.9.1.5 Budaya	20
	1.8.2 Mendorong	20
	1.8.3 Sekolah Islam Hidayah	21
1.10	Kerangka Kajian	21
1.10	Kesimpulan	22
2	SOROTAN KAJIAN	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	23
2.3	Falsafah Pendidikan Islam	24
2.4	Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia	24
	2.4.1 Pendidikan Islam Awal Di Tanah Melayu	24
	2.4.1.1 Institusi rumah Imam atau Guru	25
	2.4.1.2 Institusi Pondok	27
	2.4.1.3 Institusi Madrasah	30
	2.4.1.4 Sistem Sekular	32
2.5	Pendidikan Islam Pada Zaman Penjajah	32
2.6	Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia	34
2.7	Jenis-Jenis Sekolah Di Malaysia	36
2.8	Kategori Institusi Pendidikan Swasta	37
2.9	Sejarah Pendidikan Islam di Johor	41
2.10	Perkembangan Pendidikan Islam di Johor	42
2.11	Budaya Ilmu Dalam Masyarakat Islam	44
2.12	Mewujudkan Masyarakat Yang Seimbang	45

2.13	Modal Insan	46
2.14	Membina Generasi Berakhlak	48
2.15	Kajian lepas	49
2.16	Kesimpulan	52
3	SEKOLAH ISLAM HIDAYAH	54
3.1	Pengenalan	54
3.2	Pengenalan Sekolah Islam Hidayah (SIH)	54
3.3	Sejarah Penubuhan Sekolah Islam Hidayah	55
3.4	Visi	56
3.5	Misi	56
3.6	Falsafah Pendidikan Hidayah	57
3.7	Matlamat Pendidikan Hidayah	57
3.8	Rangkaian Sekolah IKRAM Musleh	57
3.9	Sukatan Pelajaran Ilmu Syariah	58
3.10	Sistem Pentaksiran Pelajar Musleh	59
3.11	Ko – Kurikulum	60
3.12	Kadet Remaja sekolah MUSLEH	62
3.13	Analisis Peperiksaan UPSR 2010 – 2012	63
3.14	Program Kecemerlangan Sekolah	64
	3.14.1 Program Kecemerlangan Kurikulum Sekolah	64
	3.14.2 Program Kecemerlangan Hal Ehwal Murid Sekolah	66
	3.14.3 Program Kecemerlangan Terhadap Guru	67
3.15	Aktiviti Sekolah Islam Hidayah	68
	3.15.1 Malam Badar.	68
	3.15.2 Pendekatan Praktikal Solat	69
3.16	Kesimpulan	70
4	METODOLOGI KAJIAN	
4.1	Pengenalan	71
4.2	Rekabentuk Kajian	71

4.3	Tempat Kajian	72
4.4	Populasi dan Sampel Kajian	72
	4.4.1 Populasi	73
	4.4.2 Sampel	73
4.5	Instrumen Kajian	73
	4.5.1 Kesahan	76
4.6	Kajian Rintis	76
	4.6.1 Ujian Kebolehpercayaan	77
4.7	Proses Kajian	78
4.8	Analisis Data	79
	4.8.1 Statistik Inferensi	81
	4.8.1.1 Ujian Korelasi-Pears	81
4.9	Kesimpulan	82

5

ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	83
5.2	Huraian Latar Belakang Responden	84
5.3	Faktor Yang Mendorong Ibu Bapa Menghantar Anak Ke Sekolah Islam Hidayah	89
	5.3.1 Faktor Berkenaan Aspek Kurikulum	90
	5.3.2 Faktor Berkenaan Aspek Kemudahan Dan Kesselesaian	92
	5.3.3 Faktor Berkenaan Aspek Iklim Dan Budaya	95
	5.3.4 Faktor Berkenaan Aspek Pengurusan Dan Pentadbiran Sekolah	97
5.4	Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak Mereka	99
5.5	Analisis Statistik Inferensi	101
	5.5.1 Perbezaan Faktor Aspek Kurikulum Berdasarkan Jantina	101
	5.5.2 Perbezaan Faktor Aspek Kemudahan	

	Dan Keselesaan Berdasarkan Jantina	102
5.5.3	Perbezaan Faktor Aspek Iklim Dan Budaya Sekolah Berdasarkan Jantina	103
5.5.4	Perbezaan Faktor Aspek Pengurusan Dan Pentadbiran Sekolah Berdasarkan Jantina	104
5.6	Hubungan Antara Faktor Yang Mendorong Ibu Bapa Menghantar Anak Sekolah Islam Hidayah.	105
5.7	Kesimpulan	105
6	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
6.1	Pengenalan	106
6.2	Rumusan Kajian	106
6.2.1	Maklumat Latar Belakang Responden	107
6.3	Perbincangan Umum	108
6.3.1	Perbincangan Persoalan Kajian Pertama	109
6.3.2	Perbincangan Persoalan Kajian Kedua	111
6.3.2.1	Faktor Kurikulum	111
6.3.2.2	Faktor Kemudahan Dan Keselesaan	111
6.3.2.3	Faktor Iklim Dan Budaya Sekolah	111
6.3.2.4	Faktor Pengurusan dan Pentadbiran	112
6.3.3	Perbincangan Persoalan Kajian Ketiga	112
6.4	Cadangan	112
6.4.1	Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	113
6.4.2	Cadangan Kepada Sekolah Islam Hidayah	113
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	114
6.6	Kesimpulan	115
	RUJUKAN	116
	LAMPIRAN	121

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Senarai Sekolah Agama di Malaysia	35
Jadual 2.2	Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah Swasta Mengikut Negeri	38
Jadual 2.3	Enrolmen Sekolah Rendah dan Menengah Swasta Mengikut Negeri dan Jenis Sekolah	40
Jadual 2.4	Sekolah Agama Kelolaan JAIJ Mengikut Daerah	42
Jadual 2.5	Sekolah Bawah Naungan MAIJ Mengikut Daerah	43
Jadual 2.6	Sekolah Aliran Agama Swasta di Negeri Johor	44
Jadual 4.1	Pembahagian Item Bahagian B Berdasarkan Faktor Yang Mendorong Ibu Bapa Menghantar Anak Di Sekolah Islam Hidayah	74
Jadual 4.2	Pembahagian Item Bahagian C Berdasarkan Kepada Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Tahap Pencapaian Pendidikan Anak Mereka Di Sekolah Islam Hidayah	75
Jadual 4.3	Tahap Persetujuan Mengikut Skala Likert	75
Jadual 4.4	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> dan Kekuatan Perkaitan	77
Jadual 4.5	Objektif Kajian dan Penganalisaan Data	79
Jadual 4.6	Julat Skor Min dan Tahap Pencapaian	80
Jadual 4.7	Interpretasi Mengikut Saiz Pekali Korelasi	82
Jadual 5.1	Bilangan Soal Selidik	84

Jadual 5.2	Taburan responden Mengikut Jantina	85
Jadual 5.3	Taburan Responden Mengikut Umur	85
Jadual 5.4	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	86
Jadual 5.5	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	86
Jadual 5.6	Taburan Responden Mengikut Jarak Tempat Tinggal Dengan Sekolah	87
Jadual 5.7	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan Seisi Rumah	87
Jadual 5.8	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	88
Jadual 5.9	Taburan Responden Mengikut Anak yang Belajar Di Sekolah Rendah dan Menengah	89
Jadual 5.10	Taburan Responden Yang Akan Menghantar Anak Ke Sekolah Menengah Islam Hidayah	89
Jadual 5.11	Skala Nilai Min	90
Jadual 5.12	Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Responden Terhadap Aspek Kurikulum	92
Jadual 5.13	Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Responden Terhadap Aspek Kemudahan Dan Keselesaan	94
Jadual 5.14	Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Responden Terhadap Aspek Iklim dan Budaya	96

Jadual 5.15	Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Responden Terhadap Aspek Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah	98
Jadual 5.16	Tiga Faktor Utama yang Mendorong Ibu Bapa Menghantar Anak Mereka Belajar Di sekolah Islam Hidayah	99
Jadual 5.17	Analisis Ujian – T Bagi Aspek Kurikulum Berdasarkan Jantina	100
Jadual 5.18	Analisis Ujian – T Bagi Aspek Kemudahan dan Keselesaan Berdasarkan Jantina	101
Jadual 5.19	Analisis Ujian – T Bagi Aspek Iklim dan Budaya Sekolah Berdasarkan Jantina	102
Jadual 5.20	Analisis Ujian – T Bagi Aspek Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah Berdasarkan Jantina	102
Jadual 5.21	Analisis Korelasi Pearson Faktor yang Mendorong Ibu Bapa dengan Tahap Kepuasan	103

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	21
Rajah 4.1	Aliran Proses Kajian	78

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
SIH	-	<i>Sekolah Islam Hidayah</i>
SRIH	-	<i>Sekolah Rendah Islam Hidayah</i>
SMIH	-	<i>Sekolah Menengah Islam Hidayah</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
ANOVA	-	<i>Analysis of Variance</i>

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	121
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	128
C	Analisis Data SPSS	129

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan yang begitu penting dalam merealisasikan kehendak dan harapan yang ingin dicapai oleh sesuatu bangsa dan negara. Tanpa pendidikan sudah pastinya sesebuah negara itu akan mundur dan mudah dijajah sebagaimana yang pernah berlaku ke atas negara kita suatu masa dahulu. Kini terdapat semakin ramai golongan cerdik pandai yang sentiasa berlumba-lumba untuk menimba ilmu sebagai nilai tambah kemajuan individu, masyarakat dan negara. Hal yang demikian menunjukkan bahawa melalui ilmu pengetahuan, kita dapat mengangkat darjat dan martabat bangsa, agama dan negara. Pernyataan di atas amat bertepatan dengan ucapan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara dan merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya serta tunjang pembangunan sesebuah negara.

Pendidikan merupakan perkara utama yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu dan menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan kehidupan masa depan. Pendidikan juga mendasari proses pembangunan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi yang merupakan faktor kritikal bagi

menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara Yang Berbahagia Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, 2012).

Menurut al-Na'imi (1994), manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Menurut ahli falsafah Inggeris yang terkenal iaitu Herbert Spencer, dasar pendidikan ialah untuk menyediakan manusia menjalani kehidupan yang sempurna disamping mempunyai tubuh badan yang kuat, akhlak yang sempurna serta mampu berfikir dengan baik. Jika diteliti pendapat beliau ternyata orang barat juga ingin melihat anak-anak mereka menjalani kehidupan yang sempurna dan bahagia. Bagi mereka, melalui pendidikan, ia dapat menyediakan anak-anak untuk menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan dan berpanduan. Namun perbezaan perspektif dilihat dari sudut umat Islam dalam istilah kebaikan dan kebahagiaan yang dinyatakan. Bagi umat Islam, kebaikan itu ialah kebaikan dalam agama dan kehidupan, manakala kebahagiaan yang dicapai ialah dari dunia hingga ke akhirat (Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh, 1982: 43-44).

Pada tahun 1977, satu persidangan Makkah di Jeddah yang melibatkan 320 tokoh ilmuan Islam dari 33 buah negara dan disusuli beberapa siri lanjutan persidangan tersebut menggariskan bahawa matlamat Pendidikan berbentuk Islam adalah:

“Pendidikan haruslah bermatlamatkan membentuk perkembangan individu yang seimbang melalui perkembangan rohani, intelek, emosi dan jasmani. Perkembangan ini membolehkan seseorang individu merasai keterikatan emosinya dengan Islam dan membolehkannya mentaati Al- Qur’an dan As - Sunnah dan dikawal oleh sistem akhlak Islam dengan rela hati dan gembira yang memungkinkannya menjalankan amanahnya sebagai Khalifah Allah di muka bumi”.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu 'Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan'. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara dan matlamat Pendidikan Islam, terdapat beberapa persamaan (Mohamad Johdi Salleh, Dianah Omar, Fazlina Mohamad, Rohaya Ramli, 2009) iaitu:

- i. Falsafah pendidikan negara menyebut tujuannya adalah untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani manakala Matlamat Pendidikan Islam pula menyebut pendidikan haruslah bermatlamatkan membentuk perkembangan individu yang seimbang melalui perkembangan rohani, intelek, emosi dan jasmani.
- ii. Falsafah pendidikan negara berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan manakala matlamat pendidikan Islam berlandaskan keterikatan emosinya dengan Islam dan membolehkannya mentaati Al - Qur'an dan As - Sunnah.
- iii. Falsafah pendidikan negara bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri manakala Matlamat Pendidikan Islam bertujuan melahirkan individu yang dikawal oleh sistem akhlak Islam dengan rela hati dan gembira
- iv. Falsafah pendidikan negara menyebut ia bertujuan untuk melahirkan individu yang akan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara manakala Matlamat Pendidikan Islam pula menyebut ia bertujuan untuk melahirkan individu yang akan menjalankan amanahnya sebagai Khalifah Allah di muka bumi.

Hal demikian selari dengan pendapat Prof. Dr. Yusof Al Qaradhawi, seorang sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani masa kini, katanya,“ Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur ‘ baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur” tetapi jika keadaan adalah sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku”.

Pendidikan formal di Malaysia bermula daripada umur 4 hingga 6 tahun. Pelajar didedahkan dengan pelbagai corak pilihan pendidikan sama ada di sekolah bantuan kerajaan atau swasta. Sekolah bantuan kerajaan dan swasta menawarkan perkhidmatan pendidikan yang selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan agar kurikulum yang sama dapat dilaksanakan. Kurikulum sekolah beraliran Islam yang merupakan adunan akademik dan agama Islam berperanan dalam membangunkan pembentukan keperibadian seseorang pelajar menurut ajaran Islam. Sehubungan itu, permintaan terhadap pendidikan aliran agama mendapat sambutan yang menggalakkan dalam abad ini kerana ibu bapa sering memilih sekolah yang berbentuk pendidikan aliran agama bagi pelajar Islam bagi menjana insan kamil yang unggul dan seimbang serta mampu mencapai tahap globalisasi dengan berpaksikan Al-Qur'an.

Sekolah bukan sekadar tempat untuk menyediakan ilmu semata-mata malahan ianya juga merupakan sebuah institusi yang berperanan menarik masyarakat untuk mencintai ilmu. Kini, dalam sistem pendidikan negara, mata pelajaran Pendidikan Islam telah diberi penekanan di semua sekolah tidak kira sekolah harian biasa ataupun sekolah aliran agama. Oleh yang demikian, pelajar tidak mempunyai masalah sekiranya ingin meneruskan pengajian pendidikan Islam yang telah dipelajari di sekolah rendah kerana mata pelajaran tersebut terdapat di sekolah menengah. Oleh itu, mereka boleh membuat pilihan sama ada ingin belajar di sekolah menengah harian biasa ataupun sekolah menengah aliran agama.

Pendidikan yang berasaskan nilai-nilai Islamiah tidak hanya menghadkan pengajaran akademik dalam bilik darjah malahan didikan agama mampu membangunkan rohani dan jasmani seseorang insan agar bertakwa kepada Allah dengan menjadi insan kamil. Didikan agama berlandaskan al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. dapat membantu mencapai matlamat wawasan yang seimbang dengan tuntutan dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, ibu bapa bukan sahaja harus memberi didikan secara tidak formal kepada anak-anak di rumah malah dipertanggungjawabkan untuk menghantar mereka ke sekolah yang berlandaskan Islam bagi mempelajari ilmu dalam bidang agama dan bukan agama secara formal.

Firman Allah dalam Surah Al-Kahfi: ayat 46) berbunyi:

أَمْالٌ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمْلاً ﴿٤٦﴾

Maksudnya: *Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia tetapi amalan-amalan yang kekal lagi saleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan.*

Dalam ayat di atas diterangkan fungsi anak terhadap ibu bapa. Anak adalah anugerah kurniaan Allah yang amat berharga. Kelahiran anak akan mengeratkan lagi hubungan kasih sayang di antara suami dan isteri. Namun kehadiran mereka bukan hanya sebagai penyeri kehidupan sebuah keluarga akan tetapi ianya mempunyai nilai yang mesti diambil perhatian oleh ibu bapa. Tanggungjawab mendidik, memberi penghidupan yang sempurna, memberi nama yang baik adalah satu kewajipan yang mesti dilaksanakan bagi menjamin kehidupan seseorang anak. Mereka juga perlu memastikan anak dibesarkan melalui teknik pendidikan islam yang sempurna agar anak tersebut akan menjadi insan yang seimbang dari segi duniawi dan ukhrawinya.

Perkembangan pendidikan aliran agama di Malaysia bermula dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang mula diasaskan pada tahun 1977. Pada peringkat awalnya hanya terdapat 13 buah sekolah seluruh

negara, tetapi perkembangan yang memberangsangkan serta permintaan yang tinggi menganjak kepada lahirnya 58 buah SMKA. Selari dengan itu, falsafah SMKA iaitu sebagai satu usaha yang terancang, terkawal dan berterusan berasaskan paduan ilmu, iman dan amal soleh serta budaya Islam dan suasana pembelajaran yang sempurna ke arah melahirkan pelajar berilmu pengetahuan, seimbang, cemerlang, berakhlak mulia, bertaqwa dan bertanggungjawab untuk mengamalkan cara hidup Islam serta mampu memberi sumbangan yang bermanfaat kepada agama, diri ummah dan negara menjadi garis panduan pelaksanaan pendidikan aliran agama.

Sekolah-sekolah swasta aliran agama juga banyak ditubuhkan bagi memenuhi permintaan terhadap pendidikan aliran agama yang menawarkan pendidikan seimbang akademik dan agama. Adunan aliran ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu 'Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan'. Hal demikian juga bertujuan mengimbangi keperluan pendidikan dalam sebuah negara yang membangun dan menghadapi proses globalisasi dengan menghasilkan pelajar yang berpersonaliti unggul dan mempunyai nilai-nilai murni yang utuh.

Peluang yang terbatas untuk memasuki SMKA telah mendorong kerajaan-kerajaan negeri dan pihak swasta atau individu membina sekolah-sekolah aliran agama bagi menambah peluang lebih luas kepada pelajar untuk menjadi pelajar yang seimbang dalam kecemerlangan akademik, sahsiah dan rohani. Penubuhan Sekolah Islam Hidayah di Daerah Johor Bahru merupakan salah sebuah sekolah yang mampu menawarkan keperluan pelajar di Daerah Johor Bahru untuk mendapatkan pendidikan yang berteraskan Islam. Walaupun institusi ini tidak langsung bermatlamatkan keuntungan, namun ia mampu membentuk generasi rabbani dengan menyeimbangkan diantara pelajaran diniyyah (agama) dan akademik melalui beberapa wasilah pembentukan peribadi seperti Qiam, Majlis Diskusi Pelajar dan perkhemahan-perkhemahan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Penjajahan British di Tanah Melayu telah meninggalkan implikasi yang begitu besar bukan sahaja dari segi politik, ekonomi, sosial malahan juga dalam aspek pendidikan khususnya bidang Pendidikan Islam. Sebelum kedatangan penjajah British, proses pendidikan agama dalam kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan. Proses pendidikan Islam di Tanah Melayu telah berjalan sekian lamanya. Kajian yang dibuat setakat ini telah menunjukkan bahawa pendidikan Islam di negara ini bermula dari rumah imam atau guru, kemudian berkembang menjadi pondok seterusnya menjadi madrasah dan akhirnya menjadi sekolah-sekolah agama (Ahmad Mohd Salleh, 1997: 65). Manakala Haron Din dan Sobri Salamon pula menyatakan bahawa secara umumnya perkembangan pendidikan agama di Semenanjung Malaysia mengalami empat tahap iaitu institusi rumah imam atau guru, pondok, madrasah dan sistem sekular (Ahmad Kilani Mohamed, 2003: 24-25).

Sebelum wujudnya sistem persekolahan, pendidikan Islam berlangsung di rumah guru. Mereka yang berkebolehan dalam bidang agama menjadi tumpuan untuk proses sosialisasi kanak-kanak dan orang dewasa berasaskan ajaran Islam. Antara pelajaran yang dipelajari adalah berkaitan al-Quran, Usul Fiqh dan hikayat-hikayat yang mendatangkan pengajaran yang baik. Perkembangan yang semakin pesat telah menyaksikan peningkatan bilangan pelajar sehingga tempat belajar terpaksa dipindahkan ke surau atau masjid. Malah terdapat juga pelajar yang datang dari jauh. Lantaran itu, sebagai kemudahan kepada pelajar yang terpaksa berulang alik, maka pondok kecil didirikan sekitar rumah guru lantas wujudlah apa yang disebut sebagai sistem pondok (Ahmad Mohd Salleh, 1997: 67).

Menurut kajian oleh Abdul Samat Musa dalam Ahmad Kilani (2003: 27), sistem pengajian pondok tidak mempunyai matlamat yang jelas. Menurut Abdullah Ishak pula, sistem pendidikan dan pembelajaran pondok lebih berbentuk tradisional di mana calon pelajar tidak dihadkan umur dan kebolehan. Mereka diterima masuk jika boleh membaca jawi dan al-Quran. Secara keseluruhannya, kurikulum institusi pondok di Tanah Melayu tidak mempunyai bentuk yang selaras sebagai panduan

kepada pondok-pondok lain. Setiap pondok mempunyai kurikulumnya yang tersendiri mengikut budi bicara tok guru masing-masing. Antara pelajaran yang disampaikan di sekolah pondok ialah Tauhid, Fikah, Tasawwur, Usul Fiqh dan Tarekat Islam. Subjek ini diajar untuk memberi keteguhan agama di samping mewujudkan perasaan kekitaan.

Tahap seterusnya, sistem pendidikan Islam semakin berkembang sehingga tertubuhnya madrasah. Institusi ini wujud hasil gerakan islah yang dipelopori oleh golongan pelajar yang diketuai oleh Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaludin. Haron Din dan Sobri Salamon menegaskan bahawa sistem madrasah lebih sistematik dan lebih formal dari sistem pondok (Ahmad Kilani Mohamed, 2003: 30). Dalam sistem madrasah, mata pelajaran Islam sudah tidak tertumpu kepada soal-soal ibadat dan Tauhid semata-mata tetapi lebih komprehensif lagi dengan memasukkan dalam kurikulumnya mata pelajaran lain seperti bahasa Arab, Ilmu Hisab serta subjek lain yang boleh membantu pelajar mendapat pendidikan yang sempurna.

Namun demikian, kedatangan penjajah menyebabkan proses pendidikan di madrasah dan sekolah agama terancam kerana sistem sekular yang dibawa oleh mereka. Pada peringkat awal, penjajah British telah menubuhkan sekolah Inggeris yang dikendalikan oleh golongan mubaligh Kristian. Hal Ini menunjukkan bahawa British telah berusaha membawa elemen agama dalam proses kristianisasi semasa menjajah negara ini. Keadaan ini telah menimbulkan rasa gelisah dalam kalangan orang Melayu yang kebanyakannya beragama Islam (Kassim Tukiman, 2002: 79).

Selain itu, kedatangan penjajah juga telah mengganggu corak pendidikan Islam di Tanah Melayu. Kesannya, pendidikan Islam yang diterapkan dalam kalangan pelajar semakin terhakis akibat pengenalan kepada pendidikan sekular. Pengajian agama dan al-Quran di sekolah – sekolah Melayu telah ‘diketepikan’ dari jadual rasmi sekolah dan diarahkan supaya diajar pada waktu petang (Ghazali Darusalam, 2001: 103). Keadaan menjadi semakin runcing apabila sekolah Melayu didirikan hanya untuk golongan elit agar rangkaian kepimpinan Melayu lahir berlatar belakangkan pendidikan barat. Dari sinilah timbulnya konflik pendidikan masyarakat Melayu yang membahagikan pendidikan sekular dan agama. Malah pihak penjajah

telah memajukan sekolah-sekolah tajaan mereka dengan bantuan yang besar manakala perkembangan sekolah agama diserahkan kepada rakyat. Ekoran daripada itu, timbullah ketidak selarasan dalam sistem pendidikan Islam. Terdapat perbezaan dari segi kurikulum dan pentadbiran. Lulusan sekolah agama tidak mendapat pengiktirafan daripada penjajah (Ghazali Darusalam, 2001: 104). Malah hanya mereka yang mendapat pendidikan barat berpeluang mendapat pekerjaan yang lebih baik dan lebih terjamin masa depannya.

Tambahan pula, dasar pelajaran kerajaan yang terdapat dalam Penyata Razak 1956 dan Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960 memberi gambaran amat berbeza dari segi prospektif dan sistem pelajaran sekolah agama di mana jaminan ekonomi lebih jelas bagi para pelajar yang lulus dari sekolah-sekolah kerajaan berbanding sekolah agama. Oleh kerana rakyat Malaysia menyedari bahawa ekonomi merupakan satu daripada faktor asas dalam kehidupan, maka ramai ibu bapa lebih tertarik menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan (Ahmad Mohd Salleh, 1997: 73).

Walaupun begitu, sebahagian masyarakat Islam masih lagi dapat berfikir dengan waras dan rasional di sebalik propaganda yang dibawa oleh barat. Semua aspek yang terdapat dalam agama Islam khususnya yang berkaitan dengan pendidikan Islam harus difahami oleh masyarakat dengan sempurna seterusnya memperbaiki setiap kelemahan tersebut. Berdasarkan resolusi yang diambil dari Seminar Pendidikan Islam pertama, banyak pihak termasuk Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendesak Kementerian Pendidikan (kini Kementerian Pelajaran) mengambilalih secara berperingkat pentadbiran semua jenis sekolah agama untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang sama seterusnya mengubah sistem sekolah agama agar selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan (Ismail Ab. Rahman, 1992:16, 198).

Langkah yang diambil oleh kerajaan telah memberi kebaikan kepada pelajar. Sehingga akhir tahun 1970an dan awal tahun 1980an, pelajar-pelajar aliran agama bukan sahaja mampu melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang agama tetapi juga

berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang lain seperti sains, perubatan, undang-undang, ekonomi dan lain-lain (Ismail Ab. Rahman, 1992: 17).

Kajian beliau disokong oleh satu kajian lain oleh Abdul Monir dalam Suzalie (2003). Contohnya beliau telah melihat pencapaian Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin, Klang Selangor dan mendapati pencapaian akademik dan agama sangat memberangsangkan. Analisis beliau adalah melihat perkembangan pelajar di Sekolah tersebut yang lahir tahun 1979. Menurut beliau Bagi peperiksaan PMR yang telah mereka duduki tahun 1994, pencapaian tahap lulus adalah 100% diikuti SPM (96.4%) dan STPM (91.4%). Dalam bidang agama pula pencapaian tahap lulus bagi Sijil Rendah Agama (SRA) adalah 78.89% dan Sijil Tinggi Agama adalah 85.7% . Gambaran ini menunjukkan perkembangan pelajar sekolah agama ini adalah amat memuaskan memandangkan mereka cemerlang bukan sahaja aspek akademik malah berjaya dalam aspek pendidikan agama.

Kecemerlangan ini mendorong ramai ibubapa amat berminat mendapatkan pendidikan anak-anak mereka di sekolah-sekolah agama. Malah apa yang menariknya permohonan masuk ke sekolah agama amat tinggi sedangkan tempat yang ditawarkan adalah terhad. Abdul Monir (2003) mendapati permohonan kemasukan ke tingkatan satu sekolah agama negeri amat tinggi. Beliau mendapati di negeri Pahang, permohonan ke tingkatan satu adalah sebanyak 4944 permohonan berbanding yang diterima masuk hanyalah seramai 1846 orang pelajar. Di Perak pula permohonan adalah sebanyak 3600 dan diterima hanya 605 orang. Di Selangor pula permohonan adalah sebanyak 5000 dan diterima seramai 2000 orang dan akhirnya di negeri Sembilan yang melibatkan permohonan sebanyak 2000 dan hanya menerima pelajar sebanyak 1000 orang pelajar. Ini menunjukkan kebanyakan ibubapa berminat menghantar anak mereka ke sekolah agama.

Persoalannya mengapa ibubapa berminat menghantar anak mereka ke sekolah agama? Kajian oleh Muhammad Yasir Abu Hassan (2005) contohnya, merumuskan dalam kajiannya berhubung dengan sejauh mana pengetahuan dan kefahaman agama dalam kalangan 60 orang pelajar Tingkatan Enam Atas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah mendapati bahawa pembentukan personaliti adalah

dipengaruhi oleh kefahaman dan penghayatan tersebut. Dapatan ini menunjukkan sekolah agama mampu mengekang permasalahan sosial yang kian menggugat personaliti remaja. Pengetahuan agama yang diperolehi kelihatan mampu membendung gejala sosial meskipun masih terdapat segelintir pelajar sekolah agama yang turut terjebak dalam isu-isu sosial. Hal ini sedikit sebanyak mendorong ibubapa menghantar anak mereka ke sekolah agama iaitu memastikan anak mereka menjadi manusia yang mempunyai personaliti yang baik dan tidak terlibat dalam gejala sosial.

Sesuai dengan peredaran zaman, golongan ibu bapa semakin sedar dan prihatin tentang kepentingan pendidikan agama dalam setiap ruang kehidupan sama ada di dunia mahupun di akhirat. Aspek agama dan keperluan akademik tidak dapat dipisahkan malah perlu disepadukan antara kedua-duanya. Tanpa agama pasti pincanglah hidup seseorang itu. Kesan daripada perubahan tersebut, semakin ramai ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran agama supaya pendidikan agama yang diterapkan dalam diri pelajar dapat menjadi benteng untuk menghalang sebarang anasir negatif yang boleh mempengaruhi anak-anak mereka.

Firman Allah S.W.T dalam surah al-Tahrim ayat 6 :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُورًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ
 غَلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.

Berdasarkan senario remaja hari ini yang dilanda pelbagai masalah disiplin dan salah laku, kebanyakan pihak terutamanya ibu bapa berpendapat penekanan terhadap aspek pendidikan agama harus diberi keutamaan di samping persekitaran

sekolah yang bersifat Islamik ke arah membentuk pelajar menjadi insan kamil yang cemerlang dalam bidang akademik dan berakhlak.

Menurut Imam al-Ghazali, manusia secara semula jadinya bersifat meniru dengan seseorang itu boleh menerima kedua – dua sifat baik dan buruk daripada keadaan seorang yang lain. Jika seseorang itu bergaul dengan seorang yang soleh dalam tempoh tertentu, individu tersebut akan memperoleh kebaikan dari seseorang itu tanpa disedari dan mempelajari setiap kebaikan daripadanya.

Atas kesedaran inilah permohonan masuk ke Sekolah Islam Hidayah (SIH) di bawah kelolaan Pusat Pendidikan Hidayah Johor Bahru mengalami perubahan yang memberangsangkan malah semakin meningkat dengan begitu cepat dari setahun ke setahun berdasarkan statistik pelajar Sekolah Islam Hidayah. Rentetan daripada itu, penyelidik ingin mengkaji faktor-faktor yang mendorong ibu bapa memilih Sekolah Islam Hidayah (SIH) sebagai tempat pengajian anak – anak mereka. Penubuhan sekolah hidayah adalah bertujuan untuk mengarusperdanakan sistem pendidikan Islam sebagai teras pendidikan negara hal ini bertepatan dengan visi dan misi Sekolah Islam Hidayah (SIH) itu sendiri.

Seperti mana firman Allah dalam surah Al-Taubah ayat 122

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka Telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.

Ayat Al-Quran di atas menjelaskan bahawa, di dalam Islam sangat menekankan kepentingan budaya ilmu. Walaupun pergi ke medan peperangan itu merupakan satu jihad, akan tetapi penganutnya juga digalakkan untuk menuntut ilmu kemudian mengajarkan kepada orang lain kerana menuntut ilmu itu juga merupakan jihad di sisi Allah.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan merupakan satu wadah penting dalam menjana anjakan paradigma dalam setiap individu dan ia juga memainkan peranan penting dalam melahirkan insan deduktif yang dinamik dalam semua aspek kehidupan. Secara umumnya, pendidikan selalu dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu kemahiran, penyampaian ilmu dan juga penerapan nilai. Secara praktikalnya, hasil pendidikan seharusnya dapat melahirkan insan yang mampu mengaplikasi ilmu yang dipelajari dan memanfaatkan kemahiran yang dimiliki dalam kehidupan seharian.

Dalam erti kata lain, segala apa yang dilihat dan didengari oleh seorang kanak-kanak dari persekitarannya adalah merupakan satu pendidikan baginya kerana yang nyata bagi kanak-kanak di peringkat awal umur, mereka tidak dapat membezakan yang baik dan yang buruk. Barat dan Islam mempunyai perspektif yang sama dalam hal ini, kanak-kanak perlu dibentuk dan dididik sejak dari awal. Apa yang membezakan ialah Islam menekankan pembentukan sahsiah seseorang kanak-kanak bukan hanya kelakuan fizikalnya tetapi pementapan akhlak perlu diterapkan seiring dengan penerapan keimanan di dalam roh dan jiwanya.

عن أبي هريرة أنه كان يقول قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ما من مولود إلا يولد على

الفطرة فأبواه يهودانه وينصرانه ويمجسانه كما تنتج البهيمة جمعاء هل تحسون فيها من جدعاء ثم

يقول يقول أبو هريرة (فطرة الله التي فطر الناس عليها)

Maksudnya Abu Hurairah r.a berkata. Rasulluah s.a.w. bersabda “Tidak ada seorang pun yang dilahirkan melainkan dia dilahirkan dengan sifat fitra, lalu ibu bapanya yang membentuknya menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi sebagaimana binatang ternakan yang melahirkan anak binatang yang sempurna, adakah kamu melihat sebarang kecacatan. Kemudia Abu Hurairah membacakan ayat yang membawa maksud : “Turutlah terus agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya (Al-Rum, 30:30)

(al-Bukhari dan Muslim)

Hadis riwayat Bukhari dan Muslim ini jelas menunjukkan peranan ibu bapa dalam menentukan jenis pendedahan persekitaran anak – anak mereka, sama ada berusaha untuk mengekalkan anaknya pada fitrahnya atau terdedah kepada persekitaran yang membolehkan ia terdorong dan menjadikannya sebagai seorang Yahudi, Majusi dan Nasrani.

Hal yang demikian pengkaji akan cuba mengkaji dan memfokuskan tentang beberapa perkara sahaja yang berkaitan dengan faktor – faktor yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah Islam Hidayah seperti kokurikulum yang digunakan di Sekolah Islam Hidayah, budaya yang di amalkan, kemudahan infrastruktur yang disediakan dan sistem pengurusan sekolah yang di gunakan.

1.4 Objektif Kajian

Di antara objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Menenal pasti faktor paling dominan yang mendorong ibu bapa menghantar anak anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah (SIH).
- ii. Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor kurikulum, kemudahan dan keselesaan, iklim dan budaya sekolah serta

pengurusan dan pentadbiran sekolah yang mendorong ibu bapa menghantar anak anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah (SIH) mengikut jantina.

- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan signifikan di antara faktor-faktor yang mendorong ibu bapa menghantar anak anak mereka di Sekolah Islam Hidayah (SIH) dengan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pencapaian pendidikan anak-anak mereka di Sekolah Islam Hidayah (SIH)

1.5 Persoalan Kajian

Berpandukan latar belakang masalah, kajian ini bertujuan mengenal pasti:

- i. Apakah faktor paling dominan yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah (SIH)?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor kurikulum, kemudahan dan keselesaan, iklim dan budaya sekolah dan pengurusan dan pentadbiran sekolah yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah (SIH) mengikut jantina?
- iii. Adakah terdapat hubungan signifikan di antara faktor-faktor yang mendorong ibu bapa menghantar anak anak mereka di Sekolah Islam Hidayah (SIH) dengan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pencapaian pendidikan anak-anak mereka di Sekolah Islam Hidayah (SIH)?

1.6 Hipotesis kajian

Ho 1 Tidak terdapat perbezaan signifikan faktor mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke SIH bagi aspek kurikulum berdasarkan jantina.

Ho 1 Tidak terdapat perbezaan signifikan faktor mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke SIH bagi aspek kemudahan dan keselesaan berdasarkan jantina.

Ho 1 Tidak terdapat perbezaan signifikan faktor mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke SIH bagi aspek iklim dan budaya sekolah berdasarkan jantina.

Ho 1 Tidak terdapat perbezaan signifikan faktor mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke SIH bagi aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah berdasarkan jantina.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk kepentingan bersama di antara ibu bapa, pihak sekolah dan pihak yang berkenaan. Di antara kepentingan kajian tersebut adalah:

- i. Diharapkan dapat membantu ibu bapa untuk memilih sistem persekolahan yang dikehendaki sesuai dengan sistem pendidikan KPM sekarang.
- ii. Diharapkan juga dengan kajian ini akan dapat membantu pihak Kerajaan khususnya Bahagian Pendidikan Islam (BPI) bagi memantau dan menilai sistem pendidikan yang telah dilaksanakan dari semasa ke semasa agar selari dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam.
- iii. Diharapkan dengan kajian ini juga akan dapat membantu pihak sekolah melaksanakan sistem pendidikan yang dikehendaki oleh masyarakat.
- iv. Diharapkan juga dengan kajian ini akan dapat membantu para pengkaji yang akan datang untuk mendapatkan maklumat berkaitan sistem pendidikan Sekolah Islam Hidayah (SIH) bagi tujuan kajian mereka.
- v. Melalui kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak Penggubal Dasar Pendidikan untuk memperolehi maklumat yang diperlukan.

1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian yang dijalankan ini, telah ditetapkan beberapa garis panduan bagi melicinkan proses mencari maklumat oleh pengkaji, antaranya ialah:

- i. Kajian hanya dijalankan di Sekolah Islam Hidayah (SIH), Johor Bahru.
- ii. Kajian juga hanya dibataskan kepada ibu bapa atau penjaga di Sekolah Islam Hidayah (SIH) sebagai responden.
- iii. Kajian ini dijalankan dengan memberikan beberapa bentuk soal selidik yang mengandungi 45 soalan mengikut aspek-aspek yang telah ditentukan.
- iv. Batasan kajian hanya difokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi ibu bapa berminat untuk menghantar anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah (SIH) dan tahap kepuasan terhadap pendidikan anak mereka.

1.9 Definisi Operasi

Terdapat berapa istilah penting yang perlu penyelidik terangkan di dalam kajian ini berdasarkan tajuk kajian iaitu Faktor-faktor yang mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Islam Hidayah (SIH) Johor Bahru, Johor. Istilah-istilah ini perlu dijelaskan agar dapat menjelaskan maksud yang dikehendaki.

1.9.1 Faktor

Menurut Kamus Dewan edisi ketiga, perkataan faktor itu membawa maksud unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil.

Dalam kajian ini memfokuskan kepada faktor yang mendorong minat ibu bapa menghantar anak mereka ke SIH.

1.9.1.1 Kurikulum

Kurikulum adalah satu unsur yang penting dalam proses pendidikan islam. Ia juga adalah alat untuk mendidik bagi menanam dan mengembangkan kesediaan bakat, kekuatan, dan ketrampilan. Ia juga merupakan teras kepada proses pendidikan dan alat untuk mencipta perubahan. Secara terminologinya ia adalah “himpunan ilmu serta pengalaman yang dirancang oleh sesebuah badan pendidikan bagi menyampaikan ilmu, melatih kemahiran dan membentuk keperibadian, sikap dan watak seseorang”. Ia juga disebut sebagai “segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan”.

Dalam terminologi Islam, kurikulum adalah “manhaj” iaitu jalan yang dilalui oleh manusia dalam berbagai bidang. Ini bermaksud “jalan terang yang dilalui oleh pendidik dan orang yang dididik untuk mengembangkan pengetahuan, skil dan sikap mereka. Mata pelajarannya harus menjadi penekanan tauhid, falsafah, psikologi dan sosial.

Huraian kepada diatas ialah kurikulum adalah sejumlah pengalaman pendidikan, budaya, sosial olahraga dan seni yang disediakan oleh sekolah bagi pelajar – pelajarnya di dalam dan di luar sekolah dengan maksud menolongnya untuk mengembangkan secara keseluruhan diri pelajar, merubah tingkah laku yang sesuai dengan tujuan – tujuan pendidikan.

Dalam kajian ini, kurikulum adalah merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai di Sekolah Islam Hidayah mengikut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Di samping itu juga Sekolah Islam Hidayah mempunyai kurikulumnya yang tersendiri iaitu seperti (SPIS).

1.9.1.2 Ko- kurikulum

Ko-kurikulum berasal daripada “*complimentary curriculum*” yang bermaksud “pelengkap kurikulum”. Co – juga bermaksud *together/jointly* iaitu serentak atau bersama. Istilah ko-kurikulum dalam sistem pendidikan kita merupakan sebahagian daripada kurikulum. Istilah ini hanya digunakan untuk menunjukkan pembahagian semata – mata dari aspek pengurusannya. Oleh yang demikian bila kita menyebut ko-kurikulum sebenarnya ia ialah kurikulum kita. Sebenarnya ia dalam ruanglikup pendidikan, ianya tidak terbatas kepada masa samaada di dalam atau di luar waktu persekolahan.

Dalam kajian ini ko-kurikulum adalah merupakan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Sekolah Islam Hidayah dan ia dilakukan di luar bilik darjah. Aktiviti – aktiviti ini meliputi bidang seperti sukan, permainan, badan beruniform dan juga aktiviti kelab dan persatuan dan KRS Musleh.

1.9.1.3 Kemudahan infrastruktur

Di dalam kajian ini kemudahan infrastrukktur adalah kemudahan yang disediakan di Sekolah Islam Hidayah seperti kemudahan surau,makmal computer, makmal sains, bengkel kemahiran hidup dan padang serta ruang menunggu bagi ibu bapa dan penjaga murid untuk mengambil dan menghantar anak.

1.9.1.4 Pengurusan

Pengurusan berasal daripada perkataan urus yang bermaksud mentadbir, menjalankan organisasi, merancang, memimpin sesuatu urusan (Kamus Dewan, 1980). Dalam kajian ini pengurusan bermaksud pengetua, guru besar, guru kanan dan orang yang terlibat dalam merancang aktiviti, menyusun, mengarah, menyelaraskan dan mengawal segala perancangan dan aktiviti yang dijalankan dalam organisasi sekolah.

Di dalam kajian ini pengurusan adalah sebagai satu proses untuk membentuk dan memelihara satu persekitaran dalam mana individu yang bersama dalam kumpulan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan secara terpilih dan efisien.

1.9.1.5 Budaya

Budaya adalah manifestasi dari nilai, sikap dan amalan. Secara ringkasnya ia adalah sebagai satu set kefahaman yang dikongsi bersama oleh anggota organisasi. Ia juga didefinisikan sebagai perlakuan khas yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat.

Budaya kerja islam ialah tatacara dan etika kerja yang baik. Dalam kajian ini tatacara yang baik itu antaranya ialah rajin, gigih, berdaya cipta, kreativiti, inovatif, semangat kerjasama, kerja berpasukan, integriti, berdisplin, amanah, jujur, ikhlas bersyukur dan bersikap untuk terus berusaha meningkatkan prestasi. Ia juga adalah budaya kerja murni dan berkualiti yang di amalkan bersama, diperkukuhkan dengan sistem, proses, prosedur, peraturan yang jelas dan mudah untuk dilaksanakan.

Di dalam kajian ini budaya ialah sikap dan amalan yang di amalkan oleh semua warga sekolah termasuklah pelajar – pelajar, guru – guru dan kakitangan sekolah.

1.9.2 Mendorong


Mendorong pula memberi maksud memberangsangkan, mempengaruhi atau menyebabkan jadi sesuatu Kamus Dewan edisi ketiga.

1.9.3 Sekolah Islam Hidayah

Sekolah Islam Hidayah ialah Pusat pendidikan swasta yang tidak berorientasikan keuntungan. Operasi dan pembangunan Sekolah Islam Hidayah (SIH) adalah hasil dari yuran pelajar dan sumbangan orang ramai. Sekolah Islam Hidayah (SIH) ditubuhkan semata-mata untuk memberikan sistem pendidikan alternatif berteraskan Islam yang diurus dengan professional. Sekolah Islam Hidayah (SIH) terbahagi kepada dua iaitu Sekolah Rendah Islam Hidayah (SRIH) dan Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH).

1.10 KERANGKA KAJIAN

Kerangka konseptual pada Rajah 1.1 di bawah adalah gambaran secara menyeluruh mengenai aspek-aspek yang dikaji di dalam kajian ini.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

1.11 Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan faktor – faktor yang menjadi pendorong ibu bapa menghantar anak ke Sekolah Islam Hidayah. Ianya hanya dikhususkan kepada ibu bapa pelajar Sekolah Islam Hidayah (SIH) sahaja. Bagi penyelidik kajian ini amat penting dan besar maknanya buat warga Sekolah Islam Hidayah terutama guru – guru untuk mengetahui betapa besarnya harapan ibu bapa pelajar agar dapat menjadi insan yang seimbang di dunia dan akhirat.

Kajian ini juga akan dapat membantu pihak sekolah bagi merancang, menguruskan sukatan pelajaran dan kokurikulum agar dapat memantapkan lagi kurikulum, program kokurikulum, program sukan, pembudayaan adab dan budi bahasa serta pengukuhan disiplin pelajar bertepatan dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dalam bab Pembangunan Modal Insan yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia ke 10 yang disarankan oleh Pihak Kerajaan.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Mahmud (2012). Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara. *Perutusan Hari Guru 2012*. 16 Mei.
- Abdul Halim Muhammad. (2000) *Keberkesanan Pendidikan Islam pada Peringkat Rendah dan Pembentukan Peribadi Muslim*. Kertas Kerja dlm Seminar *Kebangsaan Pendidikan Kebangsaan dan Agama di Malaysia*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Ishak (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Rahim Hamdan (2007) *Pengajian Kurikulum*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah Nashin Ulwan (2002). *Tarbiyyah Ruhiah*. Indonesia : Robbani Press
- Abdullah Sani Yahya (2005). *Mengurus Displin Pelajar*. Bentong : PTS Profesional Publishing. Sdn Bhd.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006). *Ciri Iklim sekolah Berkesan : Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran*. Jurnal Pendidikan. 31:3-19
- Al-Ghazali, Abu Hamid (1939). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Juzuk 1. Mesir : Mutba'ah Mustafa al-Halabi.
- Al-Syyaibani, Omar Muhammad al-Toumy (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terjemahan Hasan Langgulung. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Amjad Hussain (2007). *Islamic Education: Why there is a need for it?* In Journal of Beliefs and Values, 35(3) December 2004. pp. 317-322.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006) *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Hafsah Mad Arip (2013). *Perlaksanaan Program Pembangunan Staf Di Sekolah Islam Hidayah, Johor Bahru*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Hairunnizam Wahid. *Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Sekolah Agama: Satu Kajian awal di Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor*

Jabatan Agama Islam Johor (2007). *Statistik SMAR di Seluruh Johor Tahun 2007*. Johor Bahru : Jabatan Agama Islam Johor.

Jabatan Agama Islam Johor (2010). *Data Enrolmen Sekolah Menengah Agama Rakat*. Johor Bahru : Jabatan Agama Islam Johor.

Jawatankuasa Tarbiah MUSLEH (2011). *Laporan Jawatankuasa Tarbiah Pencapaian Tahap Tarbiah*. Kuala Lumpur, Musleh Press.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1960). *Laporan mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Agama Islam Mengikut Syor – syor Penyata Razak 1956, dan Jawatankuasa Penyemak Pelajaran 1960*. Bab II:5

Khoo Kay Kim 1980 “*Perkembangan Pelajaran Agama Islam dlm Awang Had Salleh(ed). Pendidikan Ke Arah Perpaduan*. Kuala Lumpur.

- Megat Mohamed Amin, Mahanai Mokhtar (1996). *Islamic Syariah Curriculum Towards The Development of an Integrated Islamic Education Curriculum*. Pusat Pendidikan SRI – SMI Berhad (MUSLEH).
- Mohd Hairudin Amin, Kamarul Azmi Jasmi (2011). “*Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak. Johor Bahru*” : Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hairudin Amin, Kamarul Azmi Jasmi (2012). “*Sekolah Agama di Malaysia Sejarah,Isu & Cabaran. Johor Bahru.*” Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2000). *Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru* : Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- MUSLEH (2005).*Laporan Kajian Sistem Pentaksiran Murid Musleh*. Unpublished Research Report. Kuala Lumpur. MUSLEH Press
- Musalmah Harun, 2005. *Peranan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dalam Membentuk Personaliti Remaja: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kangar Perlis*. Tidak diterbitkan
- Muhammad Yasir Abu Hassan, 2005. *Pengetahuan dan Penghayatan Islam di Kalangan Pelajar: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah*. Tidak diterbitkan
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2000). *Penyelidikan Pendidikan. Johor Bahru* : Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhafizah Shoheme, 2001. *SMKA (P) Al-Mashoor: Sejarah Penubuhan Dan Perkembangan Serta Peranannya Dalam Membentuk Generasi Islam*. Bangi.Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Noor Azlan Ahmad Zanzali, Md. Nor Bakar and Megat Mohamed Amin 2011
IKRAM-MUSLEH Educational Leadership and Management Perspectives. Proceedings of the 2nd Regional Conference in Educational Leadership and Management. Institut Aminuddin Baki, Jitra.
- Ornstein. A.C, Paja, E.F. and Ornstein, S. O. (2007) *Contemporary Issues in Curriculum.* Pearson. Boston.
- Rezki Perdani dan rakan – rakan (2009). *Penerapan Nilai – Nilai Islam Melalui Penggunaan Media Dalam Pendidikan.* Nilai. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Robiah Sidin (1994). *Pendidikan di Malaysia : Cabaran Untuk Masa Depan.* Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Rosnani Hashim (2007). *Liberalisasi Pendidikan dan Cabarannya dalam Konteks Pendidikan Islam di Malaysia.* Jurnal Pendidikan Islam 12 (2) : 19-40.
- Salvia, J and Yaseldyke, J.E (2001). *Curriculum-Based Assessment; 3rd Edition* New York, USA Macmillan.
- Shamsudin Mohamad Dom (2013). *Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH (SPPIM) di Rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh.* Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Sidek Baba (2005) *Pendidikan Islam dan Cabaran Perubahan.* Paper presented at Simposium Kebangsaan Pendidikan Islam, Mei, 2005. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sidek Baba (1993). *Pelaksanaan Pendidikan Islam Era 2020 ke Arah Kecemerlangan Generasi Pelajar.* Kajang : Tekno Edar.
- Sobri Salamon dan Harun Din (1988). *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia.* Kuala Lumpur : al – Rahmaniah.

Suhaila Mohd Ajib (2013). *Kajian Hubungan Tingkahlaku Kepimpinan Guru Dengan Sifat Muwassaffat Pelajar Di Sekolah Menengah Islam Hidayah Johor Bahru*. Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Suzalie Mohamad. 2003. *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Syed Muhammad Naguib Al-Attas (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education, International Institute of Islamic Thought*, Kuala Lumpur.

Zakaria Stapa (1999). *Ahlak Islam : Konsep dan Sistem* dlm. *Dewan Masyarakat*.